

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

### IN THIS ISSUE:

- \* Fun With Language
- \* Written Articles
- \* APB Rembau Activities  
(March to October 2024)

## **Penggunaan Aktiviti Amali Mudah dalam Meningkatkan Pencapaian Pelajar Pra Diploma Sains**

Ditulis oleh: Nur Jannah Azman, Nor Fadhlin Jaafar

Matlamat pendidikan adalah untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kefahaman mendalam terhadap sesuatu ilmu pengetahuan serta mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi yang diharap dapat melahirkan tenaga kerja yang cemerlang. Menyahut seruan kerajaan dalam memperkasa pendidikan sains, maka FSG UiTM Cawangan Negeri Sembilan di bawah Jabatan Fizik dan Sains Bahan mempelbagai aktiviti pengajaran untuk memperkukuh pemahaman pelajar melalui aktiviti makmal yang merupakan satu kemestian dalam pendidikan sains. Seperti yang kita maklum, kaedah makmal adalah satu-satunya kaedah yang melatih pelajar menguasai kemahiran saintifik.

Aktiviti makmal penting dalam mempelajari ilmu fizik yang terdiri daripada pelbagai konsep abstrak. Melalui aktiviti ini, pelajar seharusnya lebih memahami dan menguasai sesuatu topik pembelajaran seterusnya membantu kepada rangsangan kemahiran berfikir aras tinggi. Bagi mengukur hasil pembelajaran aktiviti tersebut, aktiviti penilaian juga merupakan aspek penting yang ditekankan dalam program ini.

Pelajar Pra Diploma Sains di UiTM Cawangan Negeri Sembilan kebiasaannya menghabiskan masa lebih kurang 5 minggu bagi pelaksanaan aktiviti makmal. Aktiviti makmal yang dijalankan juga tidak secara menyeluruh dan mengambil beberapa topik sahaja daripada silibus. Menyedari per pentingnya aktiviti makmal, maka pada tanggal 2 Jan 2024, Bengkel Pemantapan Subjek Fizik Pelajar Pra Diploma Sains Melalui Aplikasi Eksperimen Ringkas Dalam Makmal dijalankan bertempat di Makmal Fizik 2, UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Program ini dijalankan dengan pelajar mereka sendiri aktiviti makmal mudah atau aplikasi ringkas dengan mengambil pelbagai topik dalam silibus agar kefahaman menyeluruh pelajar dapat ditingkatkan. Pelajar menjalankan eksperimen ringkas secara berkumpulan, mencerap data, menganalisa data serta membina graf atau membuat kesimpulan ringkas berdasarkan pemahaman dan pemerhatian. Aktiviti soal jawab bersama fasilitator beserta demo eksperimen oleh pelajar sendiri membantu pelajar menjadi lebih kreatif dan mahir dengan penggunaan radas dan alatan makmal. Kemahiran seperti ini diharap dapat membantu mereka sebagai persediaan untuk ke peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Secara umumnya, aktiviti seperti ini dapat merangsang minda pelajar untuk berfikir serta menambah minat dalam subjek


sains. Pelajar juga dapat berinteraksi dengan rakan-rakan secara lebih santai di samping dapat mengeratkan silaturrahim pelajar dan pensyarah. Di samping dapat meningkatkan kemahiran dalam aplikasi mudah dalam subjek Fizik, ia juga meningkatkan motivasi untuk mempelajari subjek Fizik dengan pendekatan yang lebih mudah dan menarik.



Gambarajah 1: Eksperimen dijalankan secara berkumpulan.



Gambarajah 2: Perancangan dan perbincangan dalam kumpulan mengikut arahan yang diberikan.



Gambarajah 3: Persediaan ahli kumpulan untuk cerapan data dan pembentangan.



Gambarajah 4: Pelajar bergambar bersama fasilitator yang terlibat di akhir program.